



**SHEIK ALLAUDIN:** Bayar denda sebaik saja dikenakan hukuman. – Foto M.O. SALLEH

## Pemilik gerai rojak Geylang Serai didenda \$9,000

Oleh LINILIDIA ABDUL HAMID

*lini@sph.com.sg*

PEMILIK gerai rojak India, Sheik Allaudin Mohideen, semalam didenda maksimum \$9,000 kerana menjual makanan yang tidak layak dimakan, gagal memastikan kebersihan papan memotong makanan dan dulang peti sejuk di gerainya, di Pasar Sementara Geylang Serai.

Sheik Allaudin, 70 tahun, yang ditemani anak lelakinya, Encik Yasin Sheik Allaudin, 31 tahun, telah membayar denda sebaik sahaja dikenakan hukuman tersebut.

Bagi kesalahan menjual makanan yang tidak layak dimakan, dia dikenakan denda \$5,000.

Bagi dua kesalahan gagal memastikan peralatan bersih – tempat memotong makanan dan dulang peti sejuk – dia dikenakan denda \$2,000 setiap satu.

Semasa ditemui di luar mahkamah, Sheik Allaudin berkata dia lega yang semuanya sudah selesai.

Namun, katanya, dia 'tidak puas' kerana diberikan hukuman yang dirasakan agak berat.

"Selama setahun, saya tak bekerja dan tak ada sumber pendapatan. Tetapi pihak pendakwa masih mahu saya dikenakan denda maksimum," ujar-nya.

Kes keracunan makanan yang berlaku awal April tahun lalu telah menjejaskan 154 mangsa dan 48 daripadanya telah dimasukkan ke hospital.

Dua mangsa, Allahyarhamha Aminah Samijo dan Allahyarhamha Norani Kassim, meninggal dunia beberapa hari setelah mengalami keracunan makanan.

Mahkamah Koroner sebelum ini telah memutuskan kematian mereka sebagai satu kecelakaan.

Semasa menyampaikan hujah, pegawai pendakwa Agensi Sektaran Kebangsaan (NEA), Encik Abdullah Ghani, meminta Hakim Daerah, Encik Eugene Teo, supaya mengenakan hukuman pencegahan.

"Siasatan para pegawai Kementerian Kesihatan (MOH) dan NEA mendapati kawasan kedai amat kotor, terutama di kawasan memasak yang penuh dengan lipas. Ini jelas menunjukkan bahawa defendan tidak menitik beratkan kebersihan dan tidak mengamalkan kebersihan diri yang baik," ujar Encik Abdullah.

Beliau berharap hukuman itu akan memberi peringatan kepada semua pengendali makanan – pentingnya mematuhi amalan mengendalikan makanan yang baik dan memastikan tahap kebersihan diri yang tinggi sepanjang masa.

Menurut Sheik Allaudin, beliau kini sedang menantikan keputusan NEA tentang lesennya yang masih bergantung.

Beliau menambah, gerai baru menjual rojak India di Pasar Geylang Serai, yang kini di bawah nama isterinya, Cik Hajara Aludeen, adalah untuk menyara keluarga kedua-dua anak lelakinya, Encik Allayuthen Sheik Allaudin, 33 tahun, dan Encik Yasin.

Dalam jawapan e-melnya kepada *Berita Harian*, tentang sama ada mereka akan mengembalikan lesen Sheik Allaudin, jurucakap NEA berkata, mereka akan mengambil kira kesan besar akibat kejadian itu dan akan mengenakan penalti pentadbiran yang setimpal.

Namun, tiada keputusan yang dibuat pada masa ini, kata jurucakap NEA.